

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**


Bab ini akan membincangkan proses yang perlu diselaraskan dan langkah-langkah yang akan dilaksanakan dalam proses pengumpulan data mentah untuk kajian ini. Langkah-langkah tersebut meliputi aspek seperti pembentukan konsep kajian, sampel kajian, alat kajian, pra ujian bagi kesahihan instrumen kajian, proses kajian dan akhirnya ialah cara analisa data dilaksanakan.

Melihatkan kepada urutan kajian ini, pada bab sebelumnya pengkaji telah menjelaskan tujuan, objektif, persoalan kajian serta signifikan ianya dilaksanakan dan bahan-bahan rujukan yang diguna pakai sebagai pengesahkan pemilihan pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Pembentukan konsep kajian ini dibuat berdasarkan kepada bahan rujukan yang diperolehi dari kajian literatur seperti yang dinyatakan di Bab 2. Selaras dengan kajian literatur tersebut, pembolehubah tetap serta pembolehubah bebas akan telah dapat dikenalpasti dan langkah seterusnya adalah memilih item-item yang mempunyai kaitan dan menyokong setiap pembolehubah yang digunakan. Seterusnya melalui item-item ini kemudiannya akan membentuk elemen-elemen bagi digunakan untuk membentuk soalan bagi instrumen kajian ini.

Bab ini juga akan menerangkan bagaimana proses pemilihan sampel kajian dibuat, jumlah dan pihak yang dipilih sebagai responden dan akhirnya menjelaskan proses administrasi penyelarasaran soal selidik kepada semua responden yang telah ditetapkan.

### **3.2 KERANGKA KAJIAN KONSEPTUAL DAN HIPOTESIS KAJIAN**

Berdasarkan kepada perbincangan di dalam bab-bab sebelum ini, pengkaji ingin mengetahui apakah terdapat perbezaan di dalam faktor pengalaman dan faktor pengetahuan pegawai-pegawai TD dalam memahami sistem kawalan dalaman. Untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan ini, faktor-faktor demografi digunakan untuk menilai tahap pemahaman kawalan dalaman. Faktor pengalaman diwakili oleh pembolehubah tempoh perkhidmatan dan pangkat manakala faktor pengetahuan diwakili oleh pembolehubah kelayakan akademik dan sama ada seseorang pegawai pernah mengikuti kursus perakaunan. Aspek aktiviti kawalan dalaman pula diwakili oleh aktiviti kawalan am, penerimaan wang, pengeluaran wang dan penyesuaian. Kerangka kajian konseptual adalah seperti Rajah 3.1 di bawah.



**Rajah 3.1: Kerangka Kajian Konseptual**

Berdasarkan kepada kerangka kajian konseptual yang dibina, hipotesis bagi kajian ini adalah seperti berikut:

**H1 :** Terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan seseorang pegawai.

**H2 :** Terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada pangkat seseorang pegawai.

**H3 :** Terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada kelayakan akademik seseorang pegawai.

**H4 :** Terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada kursus perakaunan yang pernah seseorang pegawai hadiri.

### **3.3 METODOLOGI**

Pelaksanaan kajian ini menggabungkan kombinasi pengumpulan data dari data primari. Soal selidik yang mengandungi beberapa senario pendek yang menggambarkan sistem kawalan dalaman yang terdapat dalam pengurusan Tabung Perkhidmatan akan diedarkan di kalangan anggota TD untuk menentukan tahap kefahaman mereka mengenai struktur kawalan dalaman. Responden diminta untuk membuat penilaian tentang kelemahan dan kekuatan kawalan dalaman dalam setiap senario yang diberikan. Soal selidik seumpama ini telah digunakan sebelum ini dalam menilai tahap kefahaman paderi (pastor) ke atas struktur kawalan dalaman bagi tabung gereja-gereja di Amerika Syarikat (Duncan dan Stocks, 2003).

### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik bagi mengumpul data. Instrumen yang digunakan adalah berpandukan kepada beberapa model yang telah digunakan dari kajian yang lepas yang mempunyai persamaan dengan ujian yang dilakukan oleh pengkaji sendiri. Pada dasarnya kaedah ini mempunyai beberapa kelebihan dalam aspek

pengumpulan data kerana ianya mudah digunakan, senang ditadbirkan dan ianya dapat dikendali mengikut masa yang ditetapkan.

Di dalam menentukan tahap kefahaman anggota TD mengenal pasti dan menilai kekuatan dan kelemahan struktur kawalan dalaman, responden telah diminta untuk menilai beberapa senario yang berkaitan sistem kawalan dalaman bagi Tabung Perkhidmatan. Berasaskan kepada kajian oleh Duncan dan Stocks (2003), soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi soalan ke atas demografi responden manakala Bahagian kedua mengandungi senario kes kawalan dalaman. Pecahan bahagian soal selidik yang digunakan adalah seperti berikut:

### **3.4.1 Bahagian 1**

Bahagian ini tertumpu kepada butir-butir berkenaan demografi responden dan diadaptasi dari kajian Azaman dan Musa (2008) dan dimasukkan beberapa soalan yang sesuai untuk kajian ini. Ianya merangkumi faktor-faktor seperti gender, bangsa, umur, tempoh perkhidmatan, pangkat, status perkhidmatan, kategori penempatan, kelayakan akademik dan sama ada responden pernah menghadiri kursus berkaitan perakaunan. Dalam bahagian ini juga menekankan beberapa faktor penting yang membawa signifikan terhadap tahap kefahaman kawalan dalaman yang hendak dikaji.

### **3.4.2 Bahagian 2**

Bahagian ini mengandungi 4 kategori soalan yang berkaitan dengan sub-sistem kawalan dalaman iaitu (1) kawalan dalaman am, (2) kawalan penerimaan wang, (3) kawalan pengeluaran wang dan (4) kawalan penyesuaian. Setiap kategori soalan mengandungi beberapa senario atau soalan yang bertujuan untuk menilai kefahaman ke atas struktur kawalan dalaman. Soalan yang dibentuk menggunakan model daripada Duncan and Stocks (2003), melibatkan Skala Likert dengan nilai 1 (kawalan dalaman yang amat lemah) hingga 7 (kawalan dalaman yang amat tinggi/baik). Responden diminta untuk membuat penilaian dengan membulatkan jawapan terhadap objek yang hendak dikaji. Semua senario kes soalan di bahagian ini dibentuk sendiri oleh pengkaji dan ianya disahkan melalui teknik Cronbach Alpha dengan tahap 0.92

Semua senario kes soalan di bahagian ini dibentuk dengan menerapkan kejadian atau kes-kes sebenar yang berlaku dalam pengurusan Tabung Perkhidmatan untuk menggambarkan sama ada wujudnya kelemahan atau kekuatan kawalan dalaman. Kelemahan dan kekuatan tidak digambarkan secara ketara dalam setiap kategori soalan. Kelainan berkaitan kekuatan dan kelemahan sistem kawalan dalaman serta manifestasi kekuatan atau kelemahan dapat membantu dalam meningkatkan penilaian subjek ke atas senario.

Keempat-empat kategori kes adalah seperti berikut:

- (a) **Kategori A** mengandungi soalan berkenaan kawalan am (kawalan umum) dan menggambarkan kelemahan dalam sistem kawalan dalaman. Kategori ini merangkumi, kelemahan pengasingan tugas, kawalan rekod perakaunan yang lemah, ketiadaan jawatankuasa audit, bendahari yang mempunyai terlalu banyak tanggungjawab melaksanakan audit penggal.
- (b) **Kategori B** menyentuh kepada kelemahan dalam sistem penerimaan wang. Senario merujuk kepada kelemahan seperti ketiadaan kawalan pendua ke atas tunai, tunai tidak selamat semasa di premis dan memegang tunai yang tidak direkodkan.
- (c) **Kategori C** melibatkan sistem pengeluaran wang yang baik kawalan dalamannya. Senario menggambarkan proses meluluskan pembelian secara formal, dua tandatangan diperlukan untuk cek, penggunaan baucar ke atas sistem pengeluaran wang tunai dan kawalan ke atas wang runcit.
- (d) **Kategori D** menggambarkan kekuatan kawalan dalaman dari sudut amalan penyesuaian dalam pengendalian akaun tabung. Penyesuaian bermaksud membuat perbandingan antara dua rekod untuk memastikan kedua-dua rekod itu mempunyai persamaan. Kekuatan kawalan yang ditunjukkan dalam kategori ini meliputi

kewujudan pemeriksaan mengejut, tindakan semakan inventori/stok secara berkala, penyesuaian baki wang dalam akaun dan baki dalam bank dibuat setiap bulan, kajian ke atas polisi insurans secara tahunan dan mengemaskini senarai aset.

### **3.5 SAMPEL KAJIAN**

Pemilihan sampel kajian ini hanya melibatkan peringkat pegawai TD sahaja kerana mereka merupakan pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan Tabung Perkhidmatan. Sebanyak 210 borang soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terdiri dari pegawai TD yang berkhidmat di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun saiz sampel bagi kajian ini ditetapkan seramai 150 responden iaitu 71.42 peratus. Jumlah sampel ini adalah mencukupi bagi kajian ini berdasarkan Sekaran (2007) dan Roscoe (1975) yang mengatakan saiz sampel melebihi 30 dan kurang dari 500 responden adalah sesuai bagi kebanyakan kajian.

### **3.6 PRA UJIAN**

Kajian ini diselaraskan secara penyelidikan perpustakaan dan kajian soal selidik dengan menggunakan maklumat dan data-data yang sedia ada bagi melihat tahap kesedaran dan kefahaman ke atas kawalan dalaman. Untuk menentukan bahawa soalan yang ditanya adalah bersesuaian dan difahami oleh pihak responden, maka pra ujian dilakukan ke atas 20 sampel

kajian yang pernah terlibat dalam pengurusan Tabung Perkhidmatan. Ini adalah membolehkan segala pengubahsuaian dilakukan sekiranya terdapat kekurangan dan kesilapan pada soal selidik tersebut.

Menurut Uma Sakaran dan rakan-rakan (2008), sebelum memberikan soalan-soalan kajian kepada responden untuk mengumpul data, membuat kesimpulan dan cadangan pengkaji terlebih dahulu mestilah melaksanakan pra-ujian agar kesahan boleh dicapai. Ini adalah untuk menentukan bahawa soalan-soalan kajian adalah tepat untuk mengukur permasalahan yang hendak dikaji. Sebagai perkara yang paling asas, soalan-soalan mestilah mudah difahami dan berketepatan . Semua aspek soalan mesti diuji yakni termasuklah isi kandung soalan, perkataan-perkataan yang digunakan, urutan, tahap kesukaran, susunan serta arahan yang datang bersama-sama.

### **3.7 PUNGUTAN DATA**

Pengumpulan data telah dilaksanakan dalam masa 4 hari bekerja iaitu dari tarikh 15 hingga 20 Okt 2009. Cara perlaksanaannya adalah dengan bantuan anggota tentera yang menyerahkan soalan-soalan kajian kepada responden pada sebelah pagi hari dan terus mengumpulnya kembali pada hari yang sama di sebelah petang. Pengkaji mendapat bantuan secara terus dari ketua-ketua pasukan dan anggota-anggota Kor Perkhidmatan Am (Gaji) di dalam menjayakan pengumpulan data-data melalui soalan-soalan kajian ini.

### **3.8 ANALISA DATA**

Soal selidik yang digunakan pada hakikatnya merupakan alat pengukur tahap kefahaman struktur kawalan dalaman di kalangan anggota TD. Selain dari demografi semua soalan pada instrumen menggunakan teknik Skala Likert sebagai elemen pada pembolehubah-pembolehubah yang ada. Pemarkahan ini membolehkan pengkaji pengukur dan menilai tahap kefahaman ke atas kawalan dalaman anggota.

Hasil skor yang diperolehi dari responden akan dimuatkan secara manual ke dalam sistem SPSS V-16 dengan berpandukan kepada item yang terdapat dalam soal selidik untuk di analisa. Di masa yang sama bagi memenuhi objektif kajian semua data akan dianalisa dengan cara statistic deskriptif, ujian kesahihan analisa, analisis varian mengikut langkah berikut:

#### **3.8.1 Ujian Lineariti**

Ini adalah ujian awal yang terlebih dahulu perlu dilakukan sebelum melaksana proses analisa yang lebih lanjut. Ujian ini bagi mengesahkan bahawa setiap instrumen yang digunakan sebagai soal selidik yang dilakukan kepada respondan mempunyai kebolehpercayaan yang dikehendaki. Ini bagi menentukan agar setiap soalan yang dikemukakan mampu menjawab dan membuktikan persoalan kajian. Ujian Liabiliti yang dilakukan menggunakan teknik Cronbach Alpha terhadap semua pembolehubah.

### **3.8.2 Ujian Kenormalan**

Ujian ini adalah untuk menentukan taburan yang diperolehi melalui kutipan data dari respondan. Melalui proses ini akan menentukan bentuk ujian analisa yang sesuai boleh dilakukan bagi setiap pembolehubah yang terlibat. Bacaan taburan yang normal akan melakukan ujian statistic Parametrik manakala bagi bacaan taburan yang tidak normal pula perlu melakukan ujian statistic Bukan Parametrik.

### **3.8.3 Ujian ANOVA**

Jenis ujian yang sesuai bagi perbezaan signifikan antara pembolehubah bebas dengan tahap kefahaman kawalan dalaman ialah analisa variance (ANOVA). Ujian ANOVA yang berlainan dilaksanakan ke atas setiap daripada empat kategori soalan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang ketara. Dapatan yang dicatatkan kelak akan memberikan jawapan kepada persoalan kajian yang kedua, ketiga dan keempat.

### **3.8.4 Ujian-T**

Ujian ini dilakukan untuk menguji perbezaan signifikan antara pegawai yang telah menghadiri kursus perakaunan atau tidak terhadap kefahaman sistem kawalan dalaman. Dapatan yang dicatatkan kelak akan memberikan jawapan kepada persoalan kajian yang kelima.

### **3.9 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya bab ini menjelaskan bagaimana pengkaji membentuk persoalan kajian melalui pembentukkan pembolehubah bebas dan pembolehubah tetap. Seterusnya menerangkan perlaksanaan proses menganalisa data yang diperolehi dari data mentah hingga dimuatkan ke dalam SPSS untuk mendapatkan keputusan sewajarnya. Proses tersebut meliputi pemilihan tempat kajian, jumlah responden yang terlibat dan alat kajian yang digunakan.

Ia juga menerangkan bagaimana suatu responden itu dipilih dan instrumen yang digunakan sebagai alat pengukur bagi menilai tahap kefahaman kawalan dalaman di kalangan pegawai TD berpandukan kepada kenyataan yang dibentuk melalui pembolehubah tetap dan pembolehubah bebas.